



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA

## **UCAPAN**

**EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI**

**KETUA PENGARAH**

**JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**FORUM BERSAMA BADAN PENILAIAN PEMATUHAN**

**20 – 21 DISEMBER 2021**

**ZOOM**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, izinkan saya bermula dengan perkongsian statistik badan penilaian pematuhan yang telah diakredit oleh Standards Malaysia setakat Disember 2021 seperti berikut:

719 makmal pengujian dan penentukuran;

79 makmal pengujian Perubatan;

56 badan pensijilan;

21 badan pemeriksa;

4 badan pengujian kecekapan; dan

11 fasiliti Good Laboratory Practice (GLP)

Semua ini dapat dicapai hasil daripada dedikasi dan komitmen semua badan penilaian pematuhan dalam memenuhi keperluan akreditasi seterusnya kualiti perkhidmatan akreditasi kebangsaan dapat terus dimajukan.

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN), kita semua telah membiasakan diri dalam mengadaptasi norma baharu. Ini juga tidak terkecuali kepada badan penilaian pematuhan yang terpaksa menyesuaikan diri dengan menjalankan penilaian secara dalam talian menggunakan pelbagai aplikasi seperti Zoom, Microsoft Teams, Google Meets dan Skype bagi memastikan kelangsungan aktiviti akreditasi di Malaysia. Sejumlah 1177 penilaian secara dalam talian telah dilaksanakan. Terima kasih diucapkan diatas kerjasama yang diberikan!

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, pada 21 Ogos 2021 Asia Pacific Accreditation Cooperation (APAC) telah mengesahkan bahawa Standards Malaysia telah berjaya mengekalkan status penandatangan APAC Mutual Recognition Arrangement (MRA) dimana 11 skop berjaya dikekalkan dan 2 skop baru berjaya ditambah.

Manakala, pada 20 September 2021 International Laboratory Accreditation Cooperation (ILAC) juga telah mengesahkan Standards Malaysia telah berjaya menambah status penandatangan ILAC Mutual Recognition Arrangement (MRA) bagi skop *Proficiency Testing Providers* ISO/IEC 17043. Kejayaan ini diteruskan dengan pengiktirafan seterusnya daripada International Accreditation Forum (IAF) Multilateral Agreement (MLA) bagi skop Person Certification ISO/IEC 17024 pada 12 Oktober 2021.

Ini merupakan pencapaian yang sangat signifikan dan sangat manis, tambahan tahun 2021 merupakan ulang tahun penubuhan ke-25 Standards Malaysia dengan tema “Standard dan Akreditasi: 25 Tahun Yang Cemerlang”. Status penandatangan APAC, ILAC dan IAF ini penting bagi memastikan laporan pensijilan, pengujian, pemeriksaan dan badan pengujian kecekapan yang dikeluarkan oleh badan penilaian pematuhan yang diakredit Standards Malaysia diterima oleh pihak pengawal selia, dalam dan luar negara. Kejayaan ini adalah kejayaan anda semua.

Manakala di peringkat dunia, Standards Malaysia bersama badan akreditasi serata dunia menyambut *World Accreditation Day* pada 9 Jun setiap tahun, dengan tema “*Supporting the implementation of the SDGs*”. Tema tahun ini menumpukan kepada peranan akreditasi dalam menyokong implementasi *United Nations Sustainable Development Goals* (SDGs) bagi kepentingan akreditasi dalam meningkatkan perdagangan, menangani isu alam sekitar serta kesihatan dan pekerjaan, selain memperbaiki kualiti produk dan perkhidmatan sesbuah ekonomi secara keseluruhannya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, sukacita ingin saya kongsikan pada hari ini Standards Malaysia akan melancarkan 2 program dan 1 skop baharu di bawah Skim ACB dalam usaha menyokong United Nations Sustainable Development Goals (SDGs) iaitu:

1. Feed Additive and premixture System (FAMI-QS) Certification System
2. Automotive Certification Scheme
3. Information Security Management Systems (ISMS) - Information Security Controls for Cloud Service

Walaupun kita tidak dapat bertemu secara fizikal seperti kelaziman sebelum ini, namun saya percaya dengan adanya program ini, Standards Malaysia dapat menyampaikan perkembangan terkini dan pihak Tuan-Tuan dan Puan-Puan juga dapat menyampaikan cadangan-cadangan demi kebaikan bersama.

Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim, saya merasmikan Forum Jabatan Standard Malaysia Bersama Badan Penilaian Pematuhan 2021 dan melancarkan 3 program baharu dibawah skim ACB.

Sekian, terima kasih.